

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM SEDIA BANTUAN KEWANGAN UNTUK MANGSA BANJIR

Sedia fleksibiliti bayaran pembiayaan untuk pelanggan Pembiayaan Rumah, Peribadi dan Kenderaan yang terjejas; Moratorium sehingga 6 bulan untuk bantu PKS

KUALA LUMPUR, Khamis, [22 Disember 2022] : Berikutan situasi banjir buruk yang melanda beberapa kawasan di seluruh negara, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini mengumumkan pelaksanaan **Program Prihatin Banjir** untuk membantu para pelanggan pembiayaan yang terjejas. Pelanggan kemudahan Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Kenderaan Bank Islam yang terjejas akibat bencana ini boleh mengemukakan permohonan penangguhan bayaran ansuran bulanan mereka **sehingga tempoh enam (6) bulan** tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Selain itu, Bank Islam juga tidak akan mengenakan sebarang caj bagi penggantian kad kredit-i dan debit-i serta buku cek yang rosak atau hilang ekoran bencana yang berlaku.

Bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas, Bank Islam menawarkan Kemudahan Bantuan Bencana 2022 untuk pelanggan Pembiayaan Perniagaan-i yang terkesan. Menerusi kemudahan ini, perusahaan mikro yang layak boleh memohon pembiayaan berjumlah sehingga RM150,000, manakala saiz pembiayaan untuk PKS adalah RM700,000 dengan tempoh pembiayaan selama tujuh (7) tahun termasuk moratorium selama enam (6) bulan.

Sementara itu, moratorium sehingga enam (6) bulan juga disediakan kepada pelanggan PMKS Bank Islam sedia ada yang terjejas di kawasan bencana banjir yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Bantuan kewangan ini dibuka kepada semua kemudahan kredit dengan bayaran berjadual atau secara kontrak, khususnya Kemudahan Pembiayaan Berjangka, Kemudahan Kredit Pusingan & Aliran Tunai serta Kemudahan Perdagangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Bank Islam sentiasa mengikuti perkembangan terkini situasi di kawasan-kawasan yang terjejas. Kami amat prihatin dengan cabaran yang dialami pelanggan ketika ini dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan proses dokumentasi dan kelulusan permohonan bantuan yang mudah untuk mereka."

"Kesejahteraan masyarakat sentiasa menjadi salah satu keutamaan Bank Islam. Justeru, kami berharap Program Prihatin Banjir dan dua lagi kemudahan Bantuan Bencana untuk PMKS yang terjejas dapat membantu melegakan kebimbangan pelanggan terhadap komitmen kewangan mereka dalam mendepani situasi yang mencabar ini," tambah beliau.

Permohonan Program Prihatin Banjir boleh dibuat di cawangan Bank Islam terdekat dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kejadian.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Prihatin Banjir ini dan senarai cawangan yang berhampiran, sila rujuk laman sesawang Bank Islam di www.bankislam.com atau platform media sosial, Bank Islam Malaysia Berhad (Facebook); @bankislam (Instagram), dan @myBankIslam (Twitter). Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau e-mel ke contactcenter@bankislam.com.my untuk mendapatkan bantuan.

Bagi pelanggan Pembiayaan Perniagaan-i yang terjejas, permohonan Kemudahan Bantuan Bencana 2022 untuk PMKS terjejas boleh dibuat menerusi pautan <https://www.bankislam.com/business-banking/sme-banking/df/>.

Permohonan dan maklumat mengenai bantuan bantuan banjir untuk pelanggan PMKS terjejas boleh dibuat dengan berkunjung ke cawangan Bank Islam berhampiran atau menghantar e-mel ke sme-assist@bankislam.com.my.

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my